



# IoT Based Disabled Parking System (Diparksys)V0.2 Arduino Uno

## 1. Product Description (Penerangan Produk)

IoT based disabled parking merupakan alat bagi kegunaan pesakit kurang upaya (OKU). Ia merupakan tempat parking untuk orang kurang upaya supaya lebih senang memasuki tempat letak kereta dengan ciri-ciri yang ditekankan supaya orang kurang upaya mendapat keselesaan di tempat parking kereta.

IoT based disabled parking di inovasi untuk mengatasi masalah memasuki parking supaya mereka memasuki parking dengan senang. Konvensional yang ada kini dengan mencapai objektif rekacipta yang lebih baik bagi kegunaan pesakit orang kurang upaya (OKU). Bahan binaan yang digunakan adalah dari alat dari bahan buang terpakai.

## 3. Objective (Objektif)

Projek inovasi ini berobjektif untuk memberi kemudahan khususnya kepada mekanik dan pengguna iaitu:

- Menghasilkan satu sensor alat bantuan pesakit orang kurang upaya (OKU) yang lebih murah dan lebih senang.
- Meningkatkan lagi pemikiran serta daya kerja secara kumpulan dalam bidang inovasi produk kesihatan dan keupayaan diri pesakit orang kurang upaya (OKU).
- Meningkatkan komunikasi diantara ahli kumpulan dengan penyelia dan juga pihak-pihak lain yang terlibat dalam penghasilan projek inovasi yang berdaya saing.

## 5. Novelty (Keaslian)

Sebelum melaksanakan proses pembuatan projek IoT Based Disabled Parking ini, terdapat beberapa masalah yang berhubung kait dengan keberkesanan projek ini. Oleh itu, projek ini dihasilkan adalah untuk memenuhi keperluan manusia. Salah satu aspek penting perlu kami kaji selidik sebelum memulakan sebarang projek adalah kajian awal yang bertujuan untuk memahami dengan lebih terperinci mengenai masalah yang perlu diselesaikan.

Daripada hasil kaji selidik, terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pesakit orang kurang upaya (OKU) iaitu:

- Selalu terlanggar sesuatu objek.
- Parking tidak betul
- Tidak dapat menjangkakan jarak yang tepat ketika memasuki kotak parking

## 2. Application (Aplikasi)

Aplikasi projek ini secara amnya, sebelum pengguna memasuki parking ke ruang khas yang disediakan, pengguna akan mendapat sms terlebih dahulu pada telefon bimbit mereka. Lalu sensor akan menyala dan membolehkan mereka untuk meletakkan kenderaan pada tempat parking kereta dengan selamat.

## 4. Market Potential (Potensi Pasaran)

### 4.1 Sasaran pengguna

IoT Based Disabled Parking ini adalah untuk kegunaan khusus kepada pesakit yang mempunyai masalah orang kurang upaya (OKU).

### 4.2 Sasaran industri

IoT Based Disabled Parking ini mempunyai nilai komersial yang tinggi terutamanya dalam bidang elektronik dan keupayaan diri pesakit kerana inovasi ini dibina untuk membantu pesakit seperti parking dalam keadaan yang betul supaya pengguna dapat menjalani kehidupan seperti biasa tanpa perlu mengharapkan bantuan dari orang lain. Dengan kos RM65.00 seunit, ia adalah harga yang mampu milik.

## 6. Product Picture (Gambar Produk)

